

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 29 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 27**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1523-L09888  
**Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
  - (a) punca-punca utama berlakunya masalah kekurangan bekalan beras putih tempatan sejak September lepas; dan
  - (b) langkah-langkah mitigasi dan intervensi yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
2. PN-1523-L10365  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan lokasi pusingan-P tambahan akan dibina untuk masuk ke Pekan Jakar seperti yang telah dijawab oleh YB Timbalan Menteri pada sesi perbahasan KSP RMKe-12 atau pembinaan simpang belok ke kanan (right turn) akan dibina di persimpangan masuk ke Pekan Jakar, Sarikei.
3. PN-1523-L10213  
**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan punca sebenar yang mengakibatkan ratusan ribu premis perniagaan di seluruh negara masih terbiar dan gagal disewakan kepada peniaga serta strategi untuk menyelesaikan masalah ini agar tidak menjadi 'projek gajah putih'.
4. PN-1523-L10070  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil bagi memastikan kenderaan komersil dengan plat nombor pendaftaran dari negeri Sabah dibenarkan memasuki Brunei melalui jalan darat.

5. PN-1523-L10193  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan PLKN 3.0 dapat memberi impak kepada bakal pelatih dan sama ada modul baru yang diperkenalkan bersesuaian dengan keperluan masa kini.
6. PN-1523-L10105  
**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pewujudan perundangan khusus mengenai perbelanjaan awam dan tanggungjawab fiskal berupaya menoktahkan masalah ketirisan dalam urus tadbir perbelanjaan tahunan Kerajaan dan sejauh manakah undang-undang tersebut dapat memartabatkan peranan kedua-dua Majlis Parlimen sebagai penyemak rasionalisasi perbelanjaan awam.
7. PN-1523-L10339  
**Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
  - (a) status penubuhan sekretariat pembangunan ekonomi Orang Asli yang telah diuar-uarkan oleh YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah pada awal tahun 2023; dan
  - (b) siapakah ahli-ahlinya dan apakah terma rujukan sekretariat tersebut.
8. PN-1523-L10390  
**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengembalikan semula Pasukan 'Border Scout' yang sangat terbilang semasa peristiwa konfrontasi dan ancaman Pasukan Komunis Kalimantan Utara dahulu. Perkhidmatan Pasukan 'Border Scout' berkemungkinan perlu untuk memantau sempadan Malaysia/Kalimantan Indonesia.
9. PN-1523-L09965  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi dan usaha terkini Kementerian dalam mengawal kenaikan mendadak harga barang baru-baru ini khususnya barang keperluan utama rakyat.

10. PN-1523-L09987

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mewujudkan semula Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang lebih komprehensif untuk mengukuhkan lagi struktur kewangan Islam di Malaysia seterusnya mengangkat Malaysia sebagai sebuah peneraju dalam sektor kewangan Islam selaras dengan agenda Ekonomi MADANI.

11. PN-1523-L10428

**Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana pusat-pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memberikan fokus latihan kepada rakyat tempatan di sektor kritikal seperti kenderaan elektrik (EV), lif penumpang dan barangan, keselamatan siber, pembinaan terowong dan jambatan, penyelenggaraan talian transmisi elektrik dan pemancar telekomunikasi dan fiber optik, teknologi rel serta grafik animasi bagi memastikan lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan menjelang 2024 / 2025.

12. PN-1523-L10312

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan setakat manakah pelaburan langsung domestik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan.

13. PN-1523-L10543

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hasrat Kerajaan dalam memberikan insentif berbentuk fiskal dengan harga yang munasabah kepada negeri Kedah sebagai negeri yang mengeluarkan beras terbanyak di Malaysia.

14. PN-1523-L10207

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status memperundangkan akta untuk mengatasi isu kaum, agama dan institusi Diraja (3R) dan bilakah rang Undang-undang itu akan dibentangkan.

15. PN-1523-L09928

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian menerapkan pengukuhan semangat kebangsaan dan rasa memiliki dan cinta terhadap Malaysia dalam kalangan generasi muda; dan

- (b) kaedah penyelesaian Kementerian untuk meningkatkan peranan masyarakat awam dalam mempromosi perpaduan dan keharmonian di Malaysia.
16. PN-1523-L10375  
**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kementerian dalam meneliti penawaran bidang-bidang pengajian di universiti awam dan swasta agar menepati kebolehpasaran graduan mengikut kehendak pasaran pekerjaan.
17. PN-1523-L09878  
**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor terdapat lebih 10,000 guru memohon bersara awal susulan kenyataan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) pada April 2023 dan apakah langkah terbaharu Kerajaan untuk mengatasinya ketika masalah kekurangan guru di sekolah masih terus berlaku.
18. PN-1523-L09844  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk negeri Terengganu di bawah promosi dan aktiviti pelancongan antara tahun 2015 hingga 2022 dan 10 bulan pertama tahun 2023.
19. PN-1523-L09953  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah aduan berkenaan kesan sampingan vaksinasi COVID-19 yang dilaporkan mengikut jenis vaksin dan adakah terdapat kaitan kesan sampingan vaksinasi COVID-19 yang menyumbang kepada penyakit kanser.
20. PN-1523-L10446  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang dalam menangani isu had muatan kenderaan berat.
21. PN-1523-L10587  
**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan latihan dan modul Institut Aminuddin Baki dalam memastikan pasukan guru mampu menyambut agenda Malaysia MADANI dengan lebih komprehensif.

22. PN-1523-L10577

**Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan intervensi terhadap kedai makan yang tidak mempunyai sijil halal dalam penyediaan atau penggunaan bahan yang diragui status halalnya.

23. PN-1523-L10457

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan khusus atau inisiatif yang telah disalurkan kepada pesawah yang mengalami pengurangan hasil atau kerugian akibat perubahan cuaca yang ekstrem di Kelantan.

24. PN-1523-L10062

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan jangka panjang mengenai hubungan Malaysia dan Indonesia susulan perpindahan Jakarta ke Kalimantan yang akan memberi impak tinggi kepada aktiviti ekonomi dan pelaburan serta peranan Sabah sebagai hab Kepulauan Borneo.

25. PN-1523-L10173

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengurangkan ketirisan dalam sistem percukaian negara. Adakah Kerajaan menimbang untuk mengubah sistem percukaian sedia ada seperti mengembalikan GST.

26. PN-1523-L10302

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan dan peratusan kesiapsiagaan Kementerian sehingga kini bagi memastikan formula merangka kaedah dan mekanisme dalam pelaksanaan subsidi bersasar, penamatan serta penyelarasaannya tidak memberikan kesan kepada kumpulan B40 atau golongan memerlukan.

27. PN-1523-L10507

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memboikot semua jenis produk sekutu zionis Israel sebagai bukti solidariti dan kebersamaan Malaysia dalam konflik Israel-Palestin.

28. PN-1523-L10248

**Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah mitigasi yang diambil dalam menstabilkan ekonomi ekoran kejatuhan nilai mata wang ringgit.

29. PN-1523-L10286  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah elaun dan geran yang diperuntukkan kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP).
30. PN-1523-L10094  
**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan barang asas seperti gula, beras dan telur ayam terutamanya di kawasan luar bandar.
31. PN-1523-L10554  
**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pindaan Akta 355 dan cabaran Kerajaan dalam memperkasakan undang-undang jenayah syariah di Malaysia.
32. PN-1523-L10487  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana keberkesanan inisiatif Kerajaan dalam menguruskan isu pencatutan dan monopoli barang merentasi beberapa Kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.
33. PN-1523-L09824  
**Tuan Abun Sui Anyit** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hak-hak Sarawak yang terdapat di dalam Perjanjian Malaysia (MA63) yang ditugaskan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof yang telah dilaksanakan terhadap Sarawak sejak Kerajaan Perpaduan ditubuhkan sehingga hari ini.
34. PN-1523-L09975  
**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah drastik yang diambil untuk mengatasi masalah yang sering berbangkit berkenaan kelewatan bayaran dan pembayaran dividen yang sangat rendah kepada peserta Tanam Semula Komersial (TSK) di perkampungan Orang Asli.

35. PN-1523-L10231

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kementerian menerusi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dan strategi terkini untuk mencegah modus operandi jenayah siber yang menggunakan nama agensi dan jabatan Kerajaan untuk mempengaruhi rakyat.

36. PN-1523-L09985

**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah penyebab utama dan spesifik yang mengakibatkan peningkatan secara mendadak harga barangan keperluan di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

37. PN-1523-L10601

**Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha untuk menggiatkan aktiviti seni dan budaya sempena Tahun Melawat Melaka 2024 dalam kalendar aktiviti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) agar promosi dan pengisian ini menjadi pemangkin pembangunan sektor ekonomi pelancongan Melaka pada tahun 2024 dan tahun-tahun seterusnya.

38. PN-1523-L10125

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kadar yuran siling RM1,500 yang disebut dalam pembentangan Belanjawan 2024 tidak akan memberi kesan langsung kepada keupayaan sesebuah fakulti universiti awam untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang setanding dengan universiti-universiti berprestasi tinggi di peringkat Asia dan global.

39. PN-1523-L10412

**Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha yang diambil Kerajaan untuk menarik minat rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi (tenaga mahir) untuk menyumbang kepada negara dalam usaha menangani krisis 'brain drain' yang sedang dihadapi negara ketika ini.

40. PN-1523-L10461

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah siber mengikut kaum di Malaysia dan apakah langkah pencegahan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

41. PN-1523-L10277  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan melibatkan sektor swasta dan masyarakat dalam pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG).
42. PN-1523-L10499  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneroka pelan dan strategi negara luar untuk disesuaikan dengan agenda pemerkasaan bagi pemilikan ekuiti Bumiputera yang tidak mencapai sasaran 30 peratus.
43. PN-1523-L10169  
**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pelatih berketurunan Siam mengikut negeri asal masing-masing yang telah ditawarkan kursus kemahiran mengikut pusat-pusat latihan kemahiran awam.
44. PN-1523-L10564  
**Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana sasaran pengeluaran pertanian setimpal dengan penerimgunaan teknologi Model Pertanian Pintar dalam sektor pertanian ketika ini.
45. PN-1523-L10146  
**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian terhadap syarikat penerbangan yang membatalkan penerbangan mereka sehingga menyebabkan kerugian dan kesusahan kepada penumpang dan pengguna.
46. PN-1523-L09859  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci tentang rancangan dan langkah untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru.
47. PN-1523-L09940  
**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah belia yang telah menjalani program Skim Bantuan Latihan dan sejauh manakah kejayaan program ini.

48. PN-1523-L10135

**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) usaha yang dilakukan Kerajaan untuk menangani kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang semakin menekan rakyat; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan melantik Menteri baharu untuk menguruskan soal kesejahteraan rakyat ini.

49. PN-1523-L09948

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah 10 negara tertinggi yang membeli minyak sawit negara dalam tempoh tiga tahun lalu dan apakah usaha Kementerian untuk mempromosikan minyak sawit di peringkat antarabangsa.

50. PN-1523-L10537

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian dan hasilnya serta langkah jangka panjang Kementerian bagi menambah baik penyertaan tenaga kerja wanita ini memandangkan peningkatan penyertaan tenaga kerja wanita harus diambil kira sebagai penyumbang ekonomi negara dan strategi jangka masa panjang untuk melonjakkan potensi ekonomi negara pada masa hadapan.

51. PN-1523-L10056

**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesediaan Kementerian dalam melaksanakan Tahanan Rumah dengan anggaran kira-kira 16,000 orang layak dipertimbangkan yang akan menyumbang kepada pengurangan kesesakan di penjara dan apakah kekangan yang masih diperhalusi oleh Kementerian.

52. PN-1523-L10013

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah strategi khusus yang telah dirangka bagi membantu peniaga kecil susulan subsidi ayam yang telah ditamatkan mulai 1 November 2023.

53. PN-1523-L09908

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah butiran atau sebarang garis panduan bagi IPTA dan IPTS untuk rujukan pentadbir universiti berkenaan perubahan iklim seperti banjir, jerebu dan gelombang haba. Bolehkah Kementerian meneliti perkara ini supaya keputusan segera boleh dilakukan dalam situasi pemberian pelepasan pulang pelajar dan penggunaan 'hybrid learning' sewaktu insiden ini berlaku.

54. PN-1523-L10246

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Malaysia mendepani situasi ketidaktentuan ekonomi dan juga gelora geopolitik di peringkat global supaya nilai dagangan eksport tidak terjejas malah boleh dipertingkatkan.

55. PN-1523-L10245

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah harga minyak akan diapungkan atau diselaraskan secara berperingkat semasa pelaksanaan subsidi bersasar serta apakah jangka masa untuk melaksanakan subsidi bersasar bagi diesel dan RON95; dan
- (b) saluran pelaksanaan subsidi bersasar.

56. PN-1523-L10338

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah merit MATRADE terhadap hak penajaan penjenamaan stadium Queen Park Rangers (QPR) memandangkan ahli lembaga pengarah di dalam MATRADE merupakan orang yang sama di dalam Lembaga Pengarah Queen Park Rangers (QPR) yang boleh mewujudkan konflik berkepentingan.

57. PN-1523-L10398

**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memilih Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebagai saluran pilihan utama mereka dalam proses melanjutkan ke peringkat pengajian tinggi.

58. PN-1523-L10048  
**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peralatan perubatan yang dipohon oleh hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan untuk menggantikan peralatan yang usang yang belum diluluskan peruntukannya serta perancangan Kerajaan untuk mengatasi isu ini.
59. PN-1523-L10610  
**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk pembanterasan yang sedang dipergiatkan oleh DBKL terhadap kumpulan penjaja warga asing tidak berlesen yang mendominasi ruang perniagaan di Little India di Brickfields, Kuala Lumpur dan apakah pelan penyelesaian jangka panjang yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut.
60. PN-1523-L09837  
**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimana Kerajaan memanfaatkan kedudukan negara kita di garisan Khatulistiwa dengan mengambil manfaat tenaga solar daripada cahaya matahari secara maksimum dalam jangka masa sederhana dan panjang.
61. PN-1523-L10360  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan usaha penanaman kenaf ke kawasan yang lain di Sarawak selain Ulu Sebauh, Bintulu dan perancangan strategik Kementerian mengenai kenaf untuk dijadikan sebagai sumber bahan mentah.
62. PN-1523-L09897  
**Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan kegiatan seni budaya di ibu kota Kuala Lumpur sebagai kota budaya semakin rancak, termasuk memastikan adanya panggung atau auditorium yang cukup dan sesuai untuk pelbagai jenis persembahan seni budaya tanah air.
63. PN-1523-L10165  
**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menghantar pulang pendaatang asing tanpa izin (PATI) keluar daripada Malaysia ke negara asal mereka dan berapakah jumlah PATI yang telah dihantar pulang bagi tahun 2023.

64. PN-1523-L09920

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan etika pemakaian bagi orang awam di bangunan Kerajaan yang terkini. Bolehkah Kerajaan mempertimbangkan pengkajian semula etika pemakaian yang bersesuaian dengan jenis sektor perkhidmatan di bangunan Kerajaan dan juga mengambil kira penambahbaikan dari aspek budaya/cuaca negara di Asia Tenggara.

65. PN-1523-L10435

**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah geran latihan yang telah disediakan oleh HRD Corp untuk projek kemahiran semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling) (yang tidak melibatkan levi syarikat) pada tahun 2024 serta sektor dan kursus latihan apakah yang diberi perhatian khusus dalam skim tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.31/2023 ) Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 **Bacaan Kali Kedua**  
**[Menteri Kewangan]**
2. \*( D.R.36/2023 ) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023 **Bacaan Kali Kedua**  
**[Menteri Kewangan]**
3. ( D.R.28/2023 ) Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 **Bacaan Kali Kedua**  
**[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]**
4. ( D.R.29/2023 ) Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**  
**[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DN 6/2023	Penyata Jawatankuasa Dewan Bersama Dewan Negara Dan Dewan Rakyat	29 November 2023